

## CENDEKIAWAN



Oleh DR MOHAMAD  
ROZI HASSEN

**D**i Malaysia, kerajaan sangat menitikberatkan untuk membangunkan usahawan lebih-lebih lagi dalam kalangan belia kerana mereka merupakan golongan yang bertentang dan berpotensi. Umumnya, belia hari ini memiliki ilmu dan pelbagai bidang kemahiran serta pengetahuan. Pengetahuan serta kemahiran yang mereka miliki akan memendekkan masa serta proses untuk mereka menjadi usahawan.

Penglibatan belia dalam bidang keusahawanan boleh ditaksirkan sebagai bukti bahawa pihak kerajaan sentiasa menyediakan pelbagai peluang dan kemudahan untuk usahawan muda. Ia bertujuan momapantikan kemahiran mereka dalam bidang ini. Bukan itu sahaja, dana dan tabung pinjaman juga diwujudkan untuk mengalakkan penglibatan belia.

Initiatif Rancangan Malaysia Ke-II (RMRK-II) juga memberi tumpuan untuk membangunkan usahawan, khususnya kepada golongan belia ke arah meningkatkan daya saing untuk menjadi usahawan yang kompetitif di peringkat nasional dan antarabangsa.

Secara umumnya, keusahawanan merupakan proses mencipta sesuatu yang berasaskan nilai-nilai tertentu. Ia memberi tumpuan pada masa dan keupayaan selain perlu seiring dengan faktor kewangan, risiko sosial dan menerusi ganjaran dalam bentuk wang dan kepuasan perbadan yang dilakukan secara berdirka.

Asas keusahawanan merujuk kepada kepentingan proses inovasi serta pemerluan terhadap suatu fungsi menangang risiko, berorientasikan perubahan terhadap kedua-dua peranan sosial dan ekonomi. Ringkasnya, hasil daripada inovasi tersebut akan memberikan kesan yang positif.

Penjelasan di atas membolehkan kita mendefiniskan keusahawanan sebagai satu bidang kerjaya yang amat digalakkan oleh pihak kerajaan. Usahawan mengendalikan urusan perniagaan untuk keuntungan sebagai sumber pendapatan diri dan keluarga yang seterusnya memperluangkan kerjaan dalam dunia keusahawanan. Ia memberi impak kepada

# Dimensi baharu teknousahawan



SATU pendekatan yang lebih komprehensif perlu dirangka bagi membantu dan memantau aktiviti keusahawanan dalam kalangan usahawan belia.  
— Gambar hiasan

pertumbuhan ekonomi negara dan peningkatan sosio kehidupan masyarakat.

### Model teknousahawan

Negara bukan sahaja perlu mewujudkan masyarakat Malaysia yang menjadi pengguna teknologi tetapi juga sebagai penyumbang kepada perkembangan pengetahuan saintifik dan teknologi pada masa hadapan.

Saranan ini membuktikan kepentingan dan mewujudkan masyarakat berburu keusahawanan yang mampu mengatasi cabaran-cabaran yang mendatang dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0. Makas, sinergi antara teknologi dan usahawan perlu difleksikan sebagai agenda penting sebagai wadah model pembangunan usahawan negara melalui pemerkasaan teknousahawan.

Teknousahawan adalah bidang keusahawanan yang mengaplikasi dan menggunakan keakuratan teknologi dalam pengeluaran produk, perkhidmatan, pengurusan perniagaan dan membuat keputusan berkaitan perniagaan. Model teknousahawan berfungsi sebagai sumber pendapatan diri dan keluarga yang seterusnya memperluangkan kerjaan dalam dunia keusahawanan. Ia memberi impak kepada

keupayaan usahawan sedia ada kepada usahawan yang bersekutu kecil, sederhana dan besar mengikut kluster masing-masing yang dilaksanakan melalui kerjasama Rakan Pintar Teknologi merangkumi pihak institusi pendidikan tinggi, institusi litihan kemahiran, agensi dan badan kerajaan penyedia teknologi atau sektor swasta yang mempunyai keupayaan beraksaraan dan teknologi strategik.

Model teknousahawan bermatlamat ke arah peningkatan dan pengukuhkan teknousahawan sebagai peneraju atau pemain industri yang mampu menjadi penyumbang utama kepada Keharuan Dalam Negara Kasar (KDKN), kewujudan industri-industri baharu dan penyedia peluang-peluang pekerjaan baru negara oleh PKS.

Pemilihan strategi utama model teknousahawan adalah faktor kritis dalam kejayaan mencapai matlamat gagasan ini menerusi usaha-usaha mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan usahawan melalui pendekatan akademik, teknologi, teknikal, generik serta keusahawanan.

Di samping itu, strategi merangkaikan teknousahawan

dengan industri melalui pemadaman perniagaan, penyeuaian teknologi dan kerjasama strategik dengan peneraju industri. Model ini perlu disokong dengan skim bantuan dan kemudahan seperti Pembangunan Perniagaan, Penyeuaian Infrastruktur Perniagaan, Skim Sokongan Berpakej Industri & Perniagaan, Runding Cara Perniagaan, Khidmat Nasihat Kewangan, Pelan Strategik Perniagaan dan Pembangunan Pemasaran.

### Bimbang teknologi

Pelaksanaan model teknousahawan bermula daripada peringkat pembudayaan melalui seminar seminari kesarahan kepada kumpulan sasaran pelajar-pelajar sekolah, mahasiswa, pelatih dan usahawan baharu dan sedia ada yang berminat dalam mengaplikasikan penggunaan teknologi untuk meningkatkan taraf perniagaan mereka.

Seminar berkaitan bersamaan diadakan mengikut zon, negeri dan daerah secara berkala dengan kerjasama rakan pintar teknologi.

Usaha dan strategi ini memberi pemekaan kepada kewujudan dan pembangunan teknousahawan melalui bimbang teknologi berbentuk praktikal dan teori; perundungan teknikal; rekabentuk dan pembangunan produk; kemudahan dan sokongan penyelidikan; ruang inkubator teknologi; sangkutan, runding cara perniagaan, promosi dan pemasaran serta latihan keusahawanan.

Sebagai rumusannya, satu pendekatan yang lebih komprehensif perlu dirangka bagi membantu dan memantau aktiviti keusahawanan dalam kalangan usahawan belia, mahasiswa serta usahawan baharu. Berdasarkan trend analisis, penglibatan golongan ini dalam bidang perniagaan adalah tinggi. Namun ia hanya terbatas kepada perniagaan secara kecil-kecilan.